

TATACARA PERMOHONAN VISA UMRAH – DOKUMEN YANG DIPERLUKAN KAMI

- 1- Pasport antarabangsa yang masih sah laku 6 bulan dari tarikh penerbangan & masih ada sekurang-kurangnya 6 muka surat yang belum digunakan.
- 2- 4 keping gambar berukuran 4cm x 6cm, latar belakang berwarna putih, wanita bertudung gelap manakala lelaki tidak boleh memakai songkok/kopiah.
- 3- Buku suntikan meningitis ACW135.
- 4- Bagi lelaki berumur 18 tahun ke atas dan wanita berumur 45 tahun ke atas yang telah mencapai tarikh lahir pada tarikh proses permohonan visa tidak memerlukan dokumen mahram jika pergi berseorangan.
- 5- Bagi bukan warganegara Malaysia, sila rujuk dengan pejabat Tradewinds Travel Services bagi memastikan dokumen yang diperlukan.
- 6- Salinan dokumen mahram merujuk kepada hubungan mahram seperti dibawah.

NOTA: Kesemua dokumen ini perlu diserahkan ke pejabat **Tradewinds Travel Services** 45 hari sebelum tarikh penerbangan. Bagi pakej bulan Ramadan dokumen perlu diserahkan 45 hari sebelum 1 Ramadan.

Dokumen yang diperlukan

JEMAAH	MAHRAM	DOKUMEN DIPERLUKAN	NOTA
Isteri	Suami	Salinan sijil nikah disahkan oleh Pejabat Agama, Bahagian Nikah Cerai Rujuk & Wisma Putra.	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pastikan salinan sijil nikah tersebut jelas bagi mengelakkan keraguan oleh pihak Kedutaan Arab Saudi. ❖ Surat akuan sumpah bagi menunjukkan hubungan suami isteri adalah tidak diterima oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.
Ibu (45 tahun ke bawah)	Anak lelaki (18 tahun ke atas)	Salinan sijil lahir anak lelaki tersebut	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pastikan salinan sijil lahir tersebut telah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) & Wisma Putra.
Anak perempuan berumur 45 tahun kebawah & anak lelaki 18 tahun kebawah. <i>Jika anak perempuan 15 tahun kebawah & anak lelaki 13 tahun kebawah,</i> <i>*Ibu perlu ikut serta</i>	Bapa	<p>Salinan sijil lahir anak disahkan oleh JPN & Wisma Putra.</p> <p>Bagi perempuan yang telah berkahwin, perlu sertakan salinan sijil nikah yang disahkan oleh Pejabat Agama, Bahagian Nikah Cerai Rujuk & Wisma Putra berserta surat izin (Letter of Consent) dari suami yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra.</p> <p>Suami isteri yang bawa anak lelaki dan perempuan bawah 18 tahun, sila sertakan salinan sijil nikah yang disahkan oleh Pejabat Agama dan Wisma Putra.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pastikan salinan sijil tersebut jelas bagi mengelakkan keraguan oleh pihak Kedutaan Arab Saudi. ❖ Surat akuan sumpah bagi menunjukkan hubungan anak dan bapa adalah tidak diterima oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.
Cucu <i>Jika anak perempuan 15 tahun ke bawah dan anak lelaki 13 tahun kebawah,</i> <i>*Ibu perlu ikut serta</i>	Datuk <i>Kedua-dua belah keluarga (bapa/ibu)</i>	<p>Salinan sijil lahir cucu.</p> <p>Salinan sijil lahir bapa/ibu yang menunjukkan hubungan disahkan oleh JPN & Wisma Putra.</p> <p>Surat izin (Letter of Consent) dari bapa perlu disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah & Wisma Putra.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Bagi bapa atau ibu atau kedua-dua ibubapa yang telah meninggal dunia, salinan sijil kematian perlu disahkan oleh JPN & Wisma Putra. ❖ Perlu surat izin dari waris lelaki sebelah bapa dan dokumen sokongan. Seperti sijil lahir.

<p>Adik-beradik perempuan berumur 45 tahun kebawah & lelaki 18 tahun kebawah</p> <p><i>Jika adik perempuan 15 tahun ke bawah & adik lelaki 13 tahun kebawah.</i></p> <p><i>*Ibu perlu turut serta</i></p>	<p>Adik-beradik lelaki berumur 18 tahun keatas.</p> <p><i>*Yang telah mencapai tarikh lahir pada tarikh proses permohonan visa.</i></p>	<p>Salinan sijil lahir kedua-dua beradik yang telah disahkan oleh JPN & Wisma Putra.</p> <p>Surat Izin (Letter of consent) dari bapa disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah & Wisma Putra.</p> <p>Bagi Perempuan yang telah berkahwin, perlu disertakan salinan sijil nikah yang disahkan oleh Pejabat Agama, Bahagian Nikah Cerai Rujuk & Wisma Putra serta surat izin (Letter of consent) dari suami yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah & Wisma Putra.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pastikan Salinan Sijil Lahir tersebut jelas bagi mengelakkan keraguan oleh pihak Kedutaan Arab Saudi. ❖ Surat akuan sumpah bagi menunjukkan hubungan adik beradik adalah tidak diterima oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.
<p>Anak Saudara</p> <p><i>Jika anak saudara perempuan berumur 15 tahun ke bawah dan anak saudara lelaki yang berumur 13 tahun kebawah.</i></p> <p><i>*Ibu perlu ikut serta</i></p>	<p>Bapa Saudara</p>	<p>Salinan sijil lahir anak saudara. Salinan sijil lahir bapa saudara & Salinan sijil lahir bapa/ibu yang menunjukkan hubungan disahkan oleh JPN & Wisma Putra.</p> <p>Surat izin (Letter of consent) dari bapa perlu disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah & Wisma Putra</p>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Bagi Bapa atau kedua-dua ibu bapa yang telah meninggal dunia, Salinan Sijil Kematian perlu disahkan oleh JPN & Wisma Putra ❖ Perlu surat izin dari waris lelaki sebelah bapa dan dokumen sokongan. Seperti sijil lahir. ❖ Pastikan salinan sijil lahir tersebut jelas bagi mengelakkan keraguan oleh Pihak Kedutaan Arab Saudi. ❖ Surat akuan sumpah bagi menunjukkan hubungan anak tiri dan bapa tiri adalah tidak diterima oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.
<p>Anak tiri</p> <p><i>*Ibu perlu ikut serta</i></p>	<p>Bapa Tiri</p>	<p>Salinan sijil lahir anak tiri yang disahkan oleh JPN & Wisma Putra.</p> <p>Salinan sijil cerai ibu dan bapa kandung yang disahkan oleh Pejabat Agama, Bahagian Nikah Cerai Rujuk & Wisma Putra. Sekiranya bapa kandung telah meninggal dunia, sertakan salinan sijil mati bapa yang disahkan oleh JPN & Wisma Putra.</p> <p>Salinan sijil nikah ibu kandung dan bapa tiri yang disahkan oleh Pejabat Agama, Bahagian Nikah Cerai Rujuk & Wisma Putra.</p> <p>Surat izin (letter of consent) dari bapa perlu disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah & Wisma Putra.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Bagi Bapa yang telah meninggal dunia, salinan sijil kematian perlu disahkan oleh JPN & Wisma Putra. ❖ Perlu surat izin dari waris lelaki sebelah bapa dan dokumen sokongan. Seperti Sijil lahir. ❖ Pastikan salinan sijil lahir tersebut jelas bagi mengelakkan keraguan oleh pihak Kedutaan Arab Saudi. ❖ Surat akuan sumpah bagi menunjukkan hubungan anak tiri dan bapa tiri adalah tidak diterima oleh pihak Kedutaan Arab Saudi.

<p>Anak angkat</p> <p><i>*Ibu angkat perlu ikut serta</i></p>	<p>Bapa Angkat SAHAJA</p>	<p>Salinan sijil anak angkat (JPN) yang disahkan oleh JPN & Wisma Putra.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pastikan salinan sijil lahir tersebut jelas bagi mengelakkan keraguan oleh pihak Kedutaan Arab Saudi. ❖ Surat akuan sumpah bagi menunjukkan hubungan anak angkat dan ibu bapa angkat adalah tidak diterima oleh pihak kedutaan Arab Saudi.
<p>Warganegara Asing</p>	<p>Permastautin Tetap (Permanent Residence) Salinan kad pengenalan yang disahkan oleh JPN & Wisma Putra atau kad pengenalan asal.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat pengesahan berbahasa inggeris yang disahkan oleh Notary Public & Wisma Putra. <p>Permit/Visa Pekerja (Employment Pass -Multiple Entry) Surat pengesahan majikan yang disahkan oleh Notary Public & Wisma Putra.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat pengesahan perlu berbahasa Inggeris <p>Visa Pelajar (Student Visa -Multiple Entry) Surat pengesahan dari Kolej / Universiti / Sekolah yang disahkan oleh Notary Public & Wisma Putra.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat pengesahan perlu berbahasa Inggeris <p>Visa Keluarga (Social Visit) / DependentPass (Multiple Entry) Salinan sijil nikah / sijil lahir disahkan oleh kedutaan masing-masing & Wisma Putra.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Visa /Permit perlu sahlaku 6 bulan keatas dari tarikh permohonan Visa. 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Bagi pembantu rumah (Maid) majikan perlu ikut serta dan disahkan di Notary Public & Wisma Putra. ❖ Visa perlu sahlaku 6 bulan keatas ❖ Hal-hal lain tertakluk pada budi bicara kedutaan Arab Saudi. 	

NOTA:

- Sebarang perubahan dokumen mahram tertakluk kepada pihak Kedutaan Arab Saudi.
- Surat izin (Letter of Consent) dalam Bahasa Inggeris.
- Pengesahan dari JPN (Jabatan Pendaftaran Negara) boleh dibuat di ibu pejabat JPN negeri-negeri @ mana-mana cawangan
- Pengesahan dari Pejabat Agama Islam boleh dibuat di mana-mana pejabat agama bahagian Nikah Cerai & Rujuk sahaja.
- Pengesahan dokumen dari Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) boleh dibuat di:

KEMENTERIAN LUAR NEGERI MALAYSIA
(Bahagian Konsular) Kompleks Wisma Putra,
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62602 Putrajaya

SABAH REGIONAL OFFICE
Ministry of Foreign Affairs
Block A, 7th Floor,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

SARAWAK REGIONAL OFFICE
Ministry of Foreign Affairs Malaysia,
Level 14, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93300 Kuching, Sarawak